

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA HARI ANTI DADAH ANTARABANGSA
DI PERKARANGAN BANGUNAN PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL BERHAD
26 JUN 2000

"Bersama Memerangi Dadah"

Saya bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan rahmat dan hidayahnya kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang dapat menginsafkan kita tentang satu masalah besar yang masih melanda negara ini, iaitu masalah dadah. Kepada saya perhimpunan seperti ini mencerminkan rasa kesedaran, tanggungjawab dan hasrat kita kepada negara dalam memerangi najis dadah ini. Memerangi dadah ini adalah satu kewajipan bagi setiap anggota masyarakat kita kerana dadah tidak mengenal batasan keturunan, agama, kaum, kebudayaan, status kedudukan dan fahaman politik. Memeranginya adalah sejajar dengan pengisytiharan bahawa masalah dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan, ketahanan dan keutuhan negara.

2. Oleh yang demikian, sempena hari anti dadah antarabangsa pada hari ini, saya ingin mengajak semua lapisan masyarakat malaysia untuk bersama memerangi dadah yang kini melanda negara kita. Kita tidak boleh membiarkan masalah dadah menggugat negara kita dan membiarkan masa hadapan masyarakat kita terjejas. Kita perlu pastikan masyarakat kita terutamanya anak-anak kita membesar di dalam komuniti yang bebas dari dadah. Sebelum itu biarlah saya mengucapkan syabas kepada pihak Polis dan bahagian Jabatan Narkotik Bukit Aman yang telah berjaya melumpuhkan satu rangkaian sindiket dadah antarabangsa terbesar di negara ini dengan merampas pelbagai jenis dadah termasuk jenis Syabu bernilai RM260 juta serta menangkap 11 orang warganegara Hong Kong, dua Thailand termasuk tiga wanita rakyat tempatan minggu lalu. Syabas sekali lagi.

3. Kita sedia maklum bahawa dadah akan menghancurkan kesejahteraan rakyat. Ianya akan memusnahkan individu, masyarakat dan negara. Individu yang terlibat dengan dadah akan melemahkan tubuh badannya, intelek, kerohanian dan moral. Masalah yang lebih dahsyat lagi ialah gejala penyalahgunaan dadah akan meningkatkan kejadian jenayah, rasuah, keganasan, kemalangan di tempat kerja, keruntuhan keluarga, anak-anak terbiar dan penagihan. Kemusnahan ini berlaku tanpa mengira umur, bangsa dan status. Yang menyedihkan kita ialah penagih dadah ini terdedah kepada risiko jangkitan HIV disebabkan amalan perkongsian jarum ketika mereka menyuntik bahan itu. Oleh itu adalah menjadi dasar negara untuk menghentikan permintaan dan bekalan dadah bagi menentukan masyarakat bebas dari dadah.

4. Memandangkan besarnya ancaman dadah kepada kesejahteraan rakyat maka program pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan dadah perlulah dipertingkatkan supaya ia lebih berkesan. Peranan pendidikan pencegahan dadah yang merupakan elemen terpenting dalam strategi pencegahan hendaklah diperluaskan. Sekolah dan institusi pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta merupakan institusi penting bagi melahirkan masyarakat bebas dari dadah, perlu bersungguh-sungguh untuk mewujudkan generasi yang menjauhi dadah.

5. Sungguhpun peranan institusi pendidikan adalah elemen penting di dalam strategi pencegahan bagi membentuk generasi baru yang bebas dari dadah, ibu bapa dan

keluarga hendaklah memainkan peranan masing-masing. Ibu bapalah yang akan mencorakkan kelakuan, tingkah laku, tabiat, budi bahasa, pendidikan agama, pembawaan kepada anak-anak. Ibu bapa begitu penting dalam menentukan corak masyarakat kita.

6. Di rumahlah bermulanya segala ilmu untuk anak-anak menghadapi realiti kehidupan sebagai seorang remaja, belia dan dewasa. Ibu bapa merupakan pihak yang mempunyai perhubungan yang paling rapat dengan anak-anak. Belaian kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak adalah perlu, sekiranya perhubungan ini renggang ia boleh menimbulkan kepincangan dalam perkembangan kekeluargaan. Keadaan ini mungkin akan membawa kepada masalah-masalah sosial seperti penagihan dadah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah meluangkan masa dan mengambil tahu masalah anak-anak. Kita juga perlu tahu apa anak-anak kita buat dan dengan siapa mereka berkawan supaya kita dapat menghindarkan mereka dari terlibat dengan gejala negatif.

7. Mengikut rekod agensi dadah kebangsaan, 78% penagih-penagih yang dikesan adalah belia-belia yang bekerja. Penggunaan dadah di tempat kerja akan mengakibatkan kerugian kepada syarikat khususnya dan kepada negara amnya. Pekerja yang mengambil dadah adalah didapati pekerja-pekerja yang kurang berkeupayaan, kurang produktif dan tidak bertanggungjawab. Oleh itu program-program pencegahan di tempat kerja adalah sangat penting bagi memberi kesedaran kepada belia-belia dan pekerja-pekerja tersebut. Sektor swasta perlu mewujudkan polisi dan program pencegahan dadah di tempat kerja masing-masing untuk mengelakkan pekerja-pekerja terlibat dari dadah. Di sinilah perlunya sumbangan pihak swasta terutamanya majikan-majikan dalam membantu memerangi gejala penagih dadah.

8. Kita juga perlu menghindarkan kaum belia kita dari terlibat dengan dadah. Program-program yang khusus untuk kaum belia hendaklah dipertingkatkan. Ini bertujuan untuk mendedahkan belia mengenai pengetahuan pencegahan dadah dan memupuk kerjasama di antara golongan belia dengan mengadakan aktiviti alternatif yang menjurus kepada gaya hidup sihat tanpa dadah. Program ini juga perlu diadakan bagi mewujudkan golongan belia yang mampu dan berkemahiran untuk menjadi pembimbing ke arah membina imej diri secara positif dan rasa kasih terhadap diri sendiri dan menyedarkan golongan belia tentang bahayanya penggunaan dadah terhadap individu, keluarga, masyarakat dan negara.

9. Bagi mencapai matlamat membersihkan negara kita dari gejala dadah, kita perlu bersama memerangi gejala ini dengan penglibatan masyarakat, swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), persatuan belia, dewan perniagaan, institusi keagamaan, institusi pendidikan, jabatan-jabatan kerajaan baik di peringkat daerah, negeri dan peringkat kebangsaan. Kita perlu bersama untuk merancang dan mengadakan aktiviti-aktiviti sepanjang tahun yang menjurus kepada hidup tanpa dadah. Saya menaruh harapan agar program yang diadakan ini menjadi landasan untuk menggembelng tenaga yang terdapat di satu-satu tempat terutamanya kaum belia supaya bersama-sama mengambil daya usaha untuk membanteras dadah.

10. Masa berlalu, pola penggunaan jenis dadah juga telah berubah. Jika dahulu dadah jenis heroin dan ganja menjadi pilihan utama, tetapi sejak kebelakangan ini dadah jenis 'Amphetamine Type Stimulants' (ATS) telah digunakan dengan meluas di kalangan belia kita di pusat-pusat hiburan. Kita perlu berusaha untuk mengawal dan mencegahnya daripada merebak. Pihak berkuasa, agensi penguatkuasa, dewan-

dewan bandaraya, majlis-majlis tempatan, Polis DiRaja Malaysia, jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dan jabatan Farmasi, kementerian kesihatan hendaklah bertindak tegas bagi membasmi gejala ini.

11. Gerakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Mereka yang mengedar dadah perlu dikenal pasti. Tindakan setimpal perlu diambil atas perbuatan keji mereka. Tindakan untuk melucut dan merampas segala harta yang diperolehi dari pengedaran dadah perlu dipertingkatkan. Tentukan mereka ini tidak akan menikmati keuntungan dari pengedaran dadah. Dalam memastikan kejayaan ini kita akan tetap dengan ketegasan kita tanpa sebarang tolak ansur. Kita tidak akan meminta maaf atau berasa malu kepada sesiapa di atas tindakan tegas kita untuk membersihkan negara ini dari masalah najis dadah.

12. Pihak berkuasa yang mengawal sempadan dengan negara jiran perlu bertindak untuk menentukan tidak ada kemasukan dadah ke negara kita. Kawalan perlu dipertingkatkan, kerjasama dengan negara jiran perlu bagi membanteras pengedaran dadah.

13. Oleh sebab masalah dadah adalah suatu fenomena yang sangat kompleks, kita tidak dapat menjangkakan ianya boleh diatasi dalam tempoh terdekat. Banyak wang ringgit dan tenaga telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi merawat dan memulihkan penagih-penagih dengan harapan mereka akan insaf dan berguna. Ikhtiar hendaklah diteruskan. Pelbagai modaliti telah dilaksanakan di pusat-pusat serenti seperti psikososial, terapi kekeluargaan, terapi kerja dan modaliti keagamaan bagi merawat dan memulih mereka yang menagih dadah. Sungguhpun demikian, kaedah baru dalam rawatan dan pemulihan hendaklah diperkembangkan dari semasa ke semasa bagi menjamin pemulihan yang kekal dan lebih berkesan.

14. Bagi meningkatkan bilangan pemulihan dan rawatan ke atas mereka yang terjebak dengan penagihan dadah, pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah persendirian adalah digalakkan untuk meningkatkan keupayaan rawatan dan pengambilan penagih-penagih untuk rawatan dan pemulihan secara sukarela. Usaha-usaha ini dan kerjasama di antara pusat pemulihan kerajaan dan pusat pemulihan persendirian dalam melaksanakan program-program yang dijalankan sangat diperlukan. Semoga dengan tindakan bersama ini dapat membentuk ramai lagi insan-insan yang insaf dan berguna.

15. Saya sedar tugas dan tanggungjawab dalam memerangi dadah ini amat berat dan mencabar. Tetapi dengan semangat dan tekad yang disematkan dan keyakinan bahawa tindakan itu adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan keluarga dan negara kita, saya yakin kita boleh berjaya. Oleh itu dalam menangani masalah ini, kita perlu berusaha bersama ibu bapa, guru, alim ulama, ketua-ketua masyarakat, pengurus-pengurus syarikat, ketua-ketua organisasi, pihak media massa dan seluruh masyarakat bagi melindungi kita supaya tidak terjebak dengan gejala dadah.

16. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan akan terus berusaha untuk menghapuskan gejala negatif ini. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memberi kesedaran dan mendidik masyarakat bagi menghapuskan gejala dadah di negara ini. Masyarakat juga perlu seiringan untuk mencegahnya. Sesuai dengan tema hari anti dadah antarabangsa sekali lagi saya menyeru supaya kita bersama memerangi dadah.